



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD


(No. Syarikat 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan))

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT").

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	KRITERIA MANDATORI	SYARAT-SYARAT RFP	SESI TAKLIMAT RFP (KEHADIRAN ADALAH WAJIB BAGI YANG BERMINAT MENYERTAI)
<p>PAKEJ A1 : REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO DESIGN, BUILD, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA CONCESSIONAIRE OF KAJANG LINE (STATION & TRAIN) FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</p> <p>(NO RFP: RFP/PD/Q012-2024)</p>	<ol style="list-style-type: none"> Pembida/Usahasama/Konsortium mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam Media Pengiklanan dalaman dan/atau luaran. Modal berbayar minimum ATAU bersamaan (untuk syarikat berdaftar asing) sebanyak Ringgit Malaysia LIMA RATUS RIBU (RM 500,000.00) berdasarkan tahun kewangan terkini. 	<p>Memiliki sijil sah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Syarikat Malaysia / Tempatan: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Syarikat Asing: Syarikat asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan. 	<p>Tarikh : Khamis, 18 April 2024 (Sesi 1) ; ATAU Selasa, 30 April 2024 (Sesi 2)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Lokasi : Platform Zoom (Atas Talian)</p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFP ini, semua Peserta dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara atas talian yang boleh diperolehi di salah satu pautan dibawah atau melalui kod QR yang disediakan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; https://forms.gle/k7iYsd4swducAMxbA; Mengimbas Kod QR yang disediakan.  <p>Pra-pendaftaran akan bermula pada Isnin, 8 April 2024 sehingga Khamis, 18 April 2024 (sebelum pukul 9.00 pagi) untuk Sesi 1 dan Selasa, 30 April 2024 (sebelum pukul 9.00 pagi) untuk Sesi 2. Hanya Pemohon yang telah membuat pra-pendaftaran dan memenuhi syarat-syarat wajib yang ditetapkan akan dijemput ke sesi taklimat. Maklumat lanjut berkaitan sesi taklimat akan diberitahu sebaik sahaja pra-pendaftaran diluluskan.</p> <p>Pemohon yang telah mendaftar akan menerima Zoom ID dan pautan melalui e-mel untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.</p>
<p>PAKEJ A2 : REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO DESIGN, BUILD, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA CONCESSIONAIRE OF PUTRAJAYA LINE (STATIONS & TRAIN) FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</p> <p>(NO RFP: RFP/PD/Q014-2024)</p>			
<p>PAKEJ B : REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO DESIGN, BUILD, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA CONCESSIONAIRE OF PUTRAJAYA LINE (OUTDOOR) FOR MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</p> <p>(NO RFP: RFP/PD/Q015-2024)</p>			

Dokumen Tawaran boleh dibeli mulai **18 April 2024 (selepas taklimat)** sehingga **3 Mei 2024** dari:

TEMPAT PENJUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN	WAKTU PENJUALAN DOKUMEN TAWARAN
Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang

Pembelian Dokumen RFP mestilah disertakan dengan Draf Bank atau 'Banker's Cheque' dengan nilai **RM5,000.00** atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak akan dikembalikan.

Dokumen Tawaran yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tawaran dan Nombor Tawaran di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp, Jabatan Perolehan tidak lewat dari jam **12:00 tengahari, Jumaat, 5 Julai 2024**. Semua penyerahan lewat akan dibatalkan.

Nota:

- Penyertaan secara Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan bersama dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti rakan Usahasama/Konsortium dan juga klausa "Jointly and Severally Liable" keatas semua rakan Usahasama/Konsortium tersebut. Pembida dilarang untuk menukar rakan kongsi Usahasama/Konsortium selepas tarikh tutup.
- Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tawaran.
- Bagi **Pakej A1 dan A2**, Syarikat/Konsortium/Usaha Bersama yang membida mestilah berkemampuan untuk melaksanakan Perjanjian DBOT untuk tempoh **LIMA (5) + LIMA (5)** tahun.
- Bagi **Pakej B**, Syarikat/Konsortium/Usaha Bersama yang membida mestilah berkemampuan untuk melaksanakan Perjanjian DBOT untuk tempoh **TUJUH (7) + TIGA (3)** tahun.
- Kesemua syarikat Pembida/ Usahasama/ Konsortium mesti memenuhi syarat ekuiti iaitu 30% adalah dimiliki syarikat tempatan. Syarat Ekuiti bagi setiap ahli Usahasama/Konsortium akan di ambil kira secara agregat.
- Pembida hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja untuk setiap pakej sama ada sebagai sebuah entiti syarikat atau Usahasama/ Konsortium.
- Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Pembida **WAJIB** menghadiri sesi taklimat RFP pada Tarikh dan masa seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Sijil-sijil pendaftaran hendaklah **SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat** seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen RFP. Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dim JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan e-mail ke procurement@mymrt.com.my.